

## Bual Bicara Eksekutif Budaya 2010

### Pengerusi Majlis

Maka dengan ini saya dengan segala hormat takzimnya mempersilakan Yang Mulia Syed Abdul Rahman bin Syed Aqil dan juga Che Ku Abdul Rahman bin Che Ku Abdullah untuk ke depan di kiri kanan saya untuk kita mulakan bicara eksekutif budaya 2010. Dipersilakan.

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah wabihu nastain. Saya sebenarnya tidak begitu mahirlah untuk menjadi pengurus-pengurus majlis-majlis seperti ini. Tetapi walau bagaimanapun, insyaallah kita akan cuba jalankan bicara eksekutif budaya bagi tahun 2010 ini. Sebenarnya semenjak berapa tahun kebelakangan ini, kita telah mengadakan bicara eksekutif budaya bersama dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri. Jadi pada tahun ini tiba-tiba giliran dua orang tokoh yang seorang dari selatan Kemaman, seorang dari utara, Besut. Jadi pada hari ini kita dah cangkupi seluruh negeri Terengganu. Alhamdulillah. Sebelum saya mulakan ini, saya nak memperkenalkan kedua-duanya sekali ya. Supaya kita tahu siapakah orang tokoh yang akan berbicara kepada kita pada pagi ini. Orang yang pertama iaitu Yang Mulia Syed Abdul Rahman bin Syed Aqil yang disebelah kiri saya ni. Berpakai melayu lengkap bersongkok, bersampin seperti yang dikatakan Encik Ashaari tadi. Ini orang lama. Beliau lebih tua daripada Dr. Mahathir. Ha, tengok. Tengok rupanya. Boleh bawak kereta lagi. Saya pun ada masalah bawak kereta. Kalu (kalau) waktu malam, saya ada masalah (ketawa). Umurnya 86 tahun. Dua tahun lebih tua daripada Dr. Mahathir. Hebatlahkan. Dari segi tu, hebat. Beliau keturunan Syed. Keturunan Nabi Muhammad s.aw. Dilahirkan pada tahun 1924 dan sekarang menetap di Chukai, Kemaman. Kampung sayalah. Saya pun orang Kemaman (ketawa). Saya orang Banggol Kanan, Kemaman. Tapi lama menetap di Kuala Terengganu. Ayah Ku ni terkenal di Kemaman di Terengganu jugak. Memang orang kenal dia Ayah Ku lah. Panggil Ayah Ku, Kemaman tu orang tahulah siapa dia. Bersekolah melayu dan lulus darjah tujuh sekolah Inggeris. Sekolah Inggeris Sulatan Sulaimanlah. Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman. Ni maknanya fasih, tahu. Bahasa dulu kalu (kalau) darjah tujuh sekolah Inggeris tu, fasih Bahasa Inggeris. Sekarang SPM belum tentu boleh cakap Bahasa Inggeris. Pergi luar negeri pun belum tentu pandai, fasih Bahasa Inggeris. Sebab masalah budak-budak melayu kita, pelajar-pelajar melayu kita, dia ada komuniti sendiri di luar negara. Jadi di luar negara, mereka berbicara dan berbahasa Melayu. Jadi banyak sekelilingnya dengan masyarakat sekeliling ni, kurang. Jadi kalau nak bercakap Bahasa Inggeris, ha dengar Ayah Ku bercakap.

Kemudian beliau terpaksa berhenti sekolah apabila Jepun menyerang Malaya pada tahun 1941. Beliau ni seorang tokoh nasionalis yang menyertai perhimpunan ramai. Disertai berpuluhan-puluhan ribu manusia di Padang Maziah Kuala Terengganu. Ni pelajar-pelajar tahu Padang Maziah dok (tak)? Ha, tahu. Alhamdulillah. Depan Istana Maziah tu. Kerana menentang pertubuhan Malayan Union yang diketuai oleh tokoh nasionalis Melayu yang terulung, Dato' Onn Jaafar. Pada masa itu di Terengganu ada seorang lawyer. Lawyer tu bernama Maidin. Maidin lawyer terkenal dengan nama Maidin lawyer. Beliau mengetuai perarakan tersebut dan Ayah Ku ni bersama-sama. Masa tu dia muda lagilah.

Bukan macam sekarang (ketawa). Masa pilihanraya persekutuan mula-mula diadakan pada tahun berapa? 1954 dok (tak)? 55? Ha, 55. Saya tahu. Tapi saya sengaja nak test sape (siapa) (ketawa). Beliau menjawat kakitangan di Pejabat Daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu ya. Masa itu pegawai daerahnya ialah DCL Richarm. Orang putihlah. Pada masa itu semua orang putih belaka. Orang besar-besar orang melayu ada jugaklah. Kemudian beliau ialah seorang aktivis apple yang sampai sekarang. Ayah Ku ni pengurus dok (tak)? Pengurus veteran Umno bahagian Kemaman. Jadi hebatlah maknanya. Sekarang tinggal di Gong Pauh. Kampung Gong Pauh tu di Kemaman. Sape (siapa) yang asal Kemaman macam saya, saya tahu. Pada masa kini beliau masih bergiat dalam kegiatan-kegiatan NGO dan juga menghadiri beberapa kursus dalam sepanjang hidupnya. Jadi walaupun apa ni kita pada hari ini akan berbicarakan hal-hal kebudayaan, tapi Ayah Ku ni dia lebih terlibat dalam politik. Sungguhpun demikian, beliau boleh jugak bercakap sedikit sebanyaklah. Jadi kita tidak, ruang lingkup kita tidak terpantas kepada kebudayaan saja. Kita boleh jugak akan perluaskan skopnya kepada hal-hal politik. Terutamanya pada zaman kita menuntut kemerdekaan dulu. Ayah Ku mempunyai pengalaman apa yang dikata Cikgu Shaari tu first hand experience. Pengalaman yang kita patut tahu dari mulut orang yang terlibat secara langsung. Saya sendiri masa menjadi pelajar di Maktab Perguruan Sultan Idris tahun 57. Saya hadir bersama-sama di padang yang naik bendera Union Jack, menurunkan bendera Union Jack tu pada ~~malam~~ 31 Ogos 1957.

Kemudian disebelah kanan saya ni, ini lahir Cikgu Abdul Rahman bin Cikgu Abdullah. Jadi dua-dua tokoh ni yang ~~seorang~~ Syed, yang kedua ni keturunan raja-raja (ketawa). Jadi hebat-hebatlah. Saya ni keturunan Nik. Ha, dari Pattani. Tapi saya tak pakai Niklah. Tok nyang saya bila dia datang sini, perlarian perangkan. Dia gugurkan gelaran Nik tu. Jadi saya pun tak, bolehlah bersama-sama diorang ni jugaklah (ketawa). Beliau dilahirkan pada tahun 1939, bulan 3. saya bulan 12. Jadi mudah ~~saya~~ sikitlah (ketawa). Umur dah 70 di Kuala Besut. Mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Kuala Besut dan Sekolah Arab Nurul Iktifak di Kuala Besut. Kemudian menyambung pelajaran ke Madrasah Muhammadi di ~~Kota~~ Bharu. Jadi yang sorang fasih berbahasa Inggeris, yang sekarang ni fasih berbahasa Arab. Saya boleh sikit-sikit bahasa Jepun. Jadi, pahtu (selepas itu) beliau melanjutkan pengajiannya di Akademi Islam Pulau Pinang. Ha, jadi tak mudahlah jugak maknanya. Besut, Kota Bharu, Pulau Pinang belah utara sana. Ditulis disini, siapa tulis saya tak tahu. Perkahwinan beliau dengan isteri sehingga tahun 2010 ini telah dikurniakan anak seramai sembilan orang. Tapi tinggal enam orang. Yang menarik perhatian saya ialah dengan isteri sehingga tahun 2010, makna ada peluang lagi untuk dapat anak lagi tu (ketawa). Kemudian beliau menjadi guru Sekolah Nurul Iktifak, ustaz. Pengurus projek LKIM Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Besut, pembantu dakwah Yayasan Islam Terengganu, di Jertih pembimbing koperasi kerajaan Terengganu dan pegawai penyelaras pentadbiran masjid daerah Kemaman. Ada di Kemaman. Pengawas apa ni masjid dan surau Kemaman pada tahun 1995 hingga 2001. Juga bergerak cergas dalam Umno. Aktif dalam Umno sehingga sekarang dan juga aktif dalam badan-badan NGO, badan-badan kerajaan di daerah Besut khususnya.

Kemudian satu yang tidak disebutkan disini, tapi saya tahu ya. Kerana saya bersama-sama beliau dalam PELITA. PELITA ni persatuan sasterawan Terengganu. Saya pernah jadi ketua satu dan ketua dua. Ketua dua lama. Saya

lebih kurang empat puluh tahun tapi sekarang dah bersara dah. Masih jadi ahli. Pernah jadi pengurus PELITA Besut, daerah Besut dan pernah menulis buku, ha di buku. Buku puisi dan juga buku sejarah. Buku sejarah Kuala Besut. Tak ditulis disini ya. Kuala Besut sebuah nama. Ini buku sajaklah. Ha, sejarah Besut. Jadi saya rasa saudara-saudara sekalian, tuan-tuan, puan-puan, pelajar-pelajar sekalian, saya tidak boleh mengambil masa yang lebih panjang ya. Saya boleh bercakap lebih panjang lagi kalau nak suruh saya bercakap. Bila tak boleh bercakap, mula-mula tu payah tapi mula-mula tu ha. Jadi kena ada sorang beri signal kepada saya. Pengurus jangan banyak sangat bercakap (ketawa). Jadi saya akan jemput yang pertama sekali Ayah Ku Che Ku Abdul Rahman, eh Syed Abdul Rahman. Sebab nama Abdul Rahman belaka. Diikuti oleh Che Ku Abdul Rahman. Lepas kedua-duanya bercakap, menerangkan pengalaman, penglibatan beliau masing-masing dalam apa-apa bidang. Tapi spesikal isyaallah kita lebih menyentuh hal-hal kebudayaan. Tapi boleh macam saya kata tadi, skopnya boleh kita perluaskan. Saya tak nak apa ni membataskan apa ni kedua-dua tokoh untuk berbicara hal-hal yang sangat terbatas. Lepas tu saya akan buka majlis ini kepada sidang hadirin sekalian untuk bertanya, mengeluarkan pendapat, mengeluarkan pandangan dan sebagainya. Insyaallah kita akan tamatkan majlis ini pada waktu yang sesuai ya. Kalau (kalau) kita tengok orang dah berasa mula-mula bosan tu, saya barangkali itu isyaratlah supaya kita, tapi saya yakin dan percaya kedua-dua tokoh ini boleh menarik perhatian kita untuk berbicara dan kita mendengarnya ini peluang, peluang macam ini, majlis macam ini setahun sekali saja. Setahun sekali saja. Jadi kita tidak akan apa ni Persia-siakan apa ni peluang yang diberi kepada kita sekarang.

Saya berasa sedikit dukacitalah sebab sambutan ini tidak begitu apa. Saya harap pada tahun-tahun akan datang penuhlah dewan ini. Sebab majlis-majlis macam ini, ini majlis ilmu. Majlis ilmu tu bukan semata-mata kita baca kitab saja, baca buku apa akademik saja. Bila kita mendengar apa ni ceramah, mendengar seminar, mendengar apa perbincangan, itu edaran majlis ilmu. Majlis-majlis macam ini kita tak boleh dapat dari buku. Tak boleh dapat. Tak boleh dapat daripada buku. Kita boleh dapat daripada orang yang terlibat seperti saya kata secara langsung dan kita di Terengganu ini sebenar tidak ramai orang-orang seumpama ini. Ada, kadang-kadang tidak boleh bercakap. Dia ada, tapi tidak bercakap. Dia kata minta maaflah. Saya tidak boleh bercakap. Dia ada pengalaman yang banyak tapi tidak boleh nak menuturkan, nak membicarakan pengalamannya itu. Ha, menulis lagi payah. Itu dia. Jadi saya dengan segala hormat takzimnya mempersilakan Ayah Ku Syed Abdul Rahman bin Syed Aqil untuk mulakan bicara kita ini. Dipersilakan.

Syed Abdul Rahman bin Syed Aqil (Tokoh 1)

Assalamualaikum w.b.t. Saya ucap ribuan terima kasih kepada tuan pengurus majlis dan juga ribuan terima kasih kepada pihak yang menganjur majlis ini menjemput saya untuk memberi serba sedikit penerangan pada masa-masa lampau semasa saya kecil dahulu. Saya tidak akan meneranglah lebih panjang lagi berkenaan hal peribadi saya tadi sebab perkara ini telah diterangkan oleh pengurus. Maka itulah hal-hal peribadi saya pada masa-masa yang lepas. Cuma saya menambah sedikit saja iaitu Paloh ini ialah kampung saya. Sebab semua keluarga saya ni pada masa dulu duduk di Paloh. Macam Tokku Paloh tu ialah datuk saya. Jadi tanah apa ni muzium ini ada sedikit sebanyak jugak tanah yang

dipunyai oleh keluarga saya yang telah diambil balik oleh kerajaan. Jadi makam Tokku Paloh pun ada sini. Saya asalnya, ayah saya, tuk saya Tokku Paloh ni asalnya di Palohlah. Kemudian berpindah di Kuala Terengganu. Itulah serba sedikit untuk tambahan.

Saya menghadiri majlis yang seumpama ini kali yang kedua. Pertama saya dijemput oleh Rakan Muda di Kemaman untuk memberi majlis yang seumpama ini. Ini kali yang kedua lah saya hadir dalam majlis untuk memperingati anakanda-anakanda sekalian berkenaan masa-masa lampau. Sejarah satu perkara yang amat penting. Kalau kita buta sejarah, bermaknanya kita tidak tahu asal usul kita. Dimana datangnya kita. Saya suka memperingati kepada anakanda-anakanda sekalian. Tak ada kita, tak ada yang ada ni. Hal ini penting. Jadi dengan adanya kita, barulah ada majlis ini. Jadi soalan sejarah adalah amat penting untuk diketahui dan diingati oleh semua. Penting perkara sejarah. Kalau kita tidak tahu hal sejarah, kita tidak tahu dimana kita, asal usul kita, dari mana kita datang. Banyak perkara yang kita tidak tahu. Oleh itu sejarah adalah satu perkara yang amat penting. Saya suka menerangkan sedikit sebanyak berkenaan apa yang kita ada pada hari ini dan apa yang saya ada pada masa dulu. Bezanya amat jauh sekali. Anakanda-anakanda sekalian berada di zaman yang sudah merdeka. Zaman yang segala kesenangan. Tidak pernah menempuh zaman-zaman kesusahan pada masa sebelum merdeka yang saya tempuh. Jauh sekali. Ini bezanya. Jadi kalau saya cerita sedikit sebanyak dalam perkara ini, bolehlah kita buat satu perbandingan.

Saya mula-mula bekerja ialah sebagai seorang pegawai kerani pada tahun 1948. Itu mula-mula saya bekerja. Saya bekerja lebih awal lagi iaitu pada masa sebelum merdeka. Awal lagi. Dalam masa sebelum merdeka, sebelum merdeka. Sebelum kita menikmati apa yang ada pada hari ini, orang-orang melayu pada masa itu berjuang untuk mendapat kemerdekaan. Keseluruhannya untuk mendapat kemerdekaan yang dipelopori oleh Umno, atau PERKEMBAR. Parti Kebangsaan Melayu Bersatu yang diketuai oleh Dato' Onn Jaafar. Pada masa itu kita berjuang untuk mendapat kemerdekaan. Sebelum kita berjuang untuk mendapat kemerdekaan, negara kita diperintah oleh kerajaan Inggeris di Terengganu. Kerajaan Inggerislah yang memerintah segala-galanya di Terengganu ini dengan satu orang wakilnya bernama dipanggilkan jawatannya ialah BA. British Adviser (Penasihat British). Disebut B.A. Dialah yang menjaga negeri Terengganu ini dengan pegawai-pegawaiannya dan dialah yang berkuasa di negeri ini. Pada masa itu kita orang-orang melayu bukan kata kita ini dihina atau dihimpit, tidak. Tapi keadaan jadi kita begitu. Dalam keadaan serba susah, tidak ada kesenangan, tidak ada keistimewaan, tidak ada apa-apa bantuan, tidak ada apa-apa imbuhan yang diberi kepada orang-orang melayu dan pada masa itu orang-orang melayu bekerja sendiri. Dan kebanyakan daripada orang-orang melayu pada masa sebelum merdeka dulu, jawatan-jawatan yang selalu disukai oleh orang-orang melayu pertama sekali menjadi mata-mata ataupun menjadi askar ataupun menjadi pelayan-pelayan pejabat. Itu saja jawatan-jawatan yang disukai oleh orang-orang melayu. Sebab taraf ilmu orang melayu sekali tu je. Tidak seperti orang-orang cina yang menceburkan diri mereka didalam hal perniagaan. Jadi sebab itulah kita orang melayu dari segi ekonomi banyak ke belakang.

Pada masa itu dan malamnya pulak pada 8 haribulan Disember tahun 41, negara kita diserang oleh Jepun. Jepun masuk ke Tanah Melayu dan mendapat kemenangan yang cemerlang. Kalahlah British pada masa itu. Dan negara kita, negara Malaysia diperintah oleh Jepun. Anakanda-anakanda sekalian hendaklah faham. Pada masa pemerintahan Jepun bukanlah suatu perkara yang boleh kita agung-agungkan dengan keadaan senang-lenang. Kita menghadapi berbagai-bagai kesusahan pada masa itu. Makanan kurang, pakaian kurang, segala-galanya kurang dan kita pulak selalu diugut-ugut oleh Jepun. Kesusahan yang dialami oleh orang-orang melayu pada masa itu tak dapatlah kita bayangkan. Barangkali adik-adik sekalian pun tak fikir cara kesusahan yang dialami oleh orang-orang melayu dan seluruh rakyat Malaysia pada masa itu. Makanan tak cukup. Tidak ada siapa yang boleh makan nasi dua kali sehari. Tak boleh. Makan nasi tengahari, malam kadang-kadang makan ubi ataupun kalau boleh makan nasi dua kali sehari ialah nasi dicampur dengan ubi keledek. Tidak 100% beras pada masa pemerintahan Jepun. Dan kita tidak begitu bebas. Tersalah cakap sikit, kita akan ditangkap orang panggil campitai pada masa Jepun. Hukumannya amat berat sekali. Sama ada diseksa ataupun dipancung dengan pedang Jepun. Itu saja hukuman. Lain tak ada. Hari tu teruknya kita pada masa Jepun. Saya bekerja pada masa Jepun. Kerja di ~~penabat~~ kerajaan jugak. Kerja di bawah pemerintahan Jepun. Dan kesusahan kita ~~saya~~ berpendapat tidak dapatlah kita nak bayangkan kalau kita tahu ~~keadaan~~ yang ada pada hari ini. Anak-anak sekalian yang telah dilahirkan ataupun dibesarkan sesudah kita merdeka. Kalau kita padu, jauh. Macam tangit dengan bumi. Ada pada masa ini dan pada masa kita diperintah oleh Jepun dan juga pada masa kita dijajah oleh British dan Inggeris.

Selepas Jepun memerintah ~~kita~~, Jepun serah pulak negeri ini kepada Siam. Thai, kerajaan Thai. Empat negeri yang diserah oleh Jepun kepada kerajaan Siam iaitu Terengganu, Kelantan, Perlis dan Kedah. Kalau banyak orang bertanya pasal apa serah kepada Jepun serah negeri ini kepada kerajaan Siam? Jawabnya ialah pada masa mula-mula Jepun nak menyerang negeri Tanah Melayu ini, Siam memberi laluan. Jadi melalui Thailand, Jepun masuk ke Malaysia. Untuk balas budi ini, Jepun menyerah empat negeri ini kepada kerajaan Siam. Maka negeri Terengganu satu daripadanya diperintah oleh Siam dan pegawai-pegawai Siam memerintah di negeri ini. Pada masa Jepun, kita diajar segala-galanya untuk apa yang dibuat oleh Jepun. Dari segi bahasanya, dan kita disuruh belajar bahasa Jepun. Kita belajar bahasa Jepun dan di Padang Paya Bunga, Padang Paya Bunga dulu orang panggil di Stadium Sultan Ismail yang ada pada hari ini. Disitu. Tiap-tiap 8 haribulan pagi, 8 haribulan dia Jepun start menyerang kita ni 8 Disember. Jadi dia ambil tiap-tiap 8 haribulan, semua orang rakyat di negeri Terengganu ni mesti berbaris di Padang Paya bunga tu dan menghadap kepada matahari naik. Bila matahari naik, dia ajar kita suruh menyanyi lagu Jepun. Itu lagu negara dia. Lagu Kimigayo. Kimigayo waa... itu lagu selamat, lagu negara dia. Sudah kita menyanyi lagu Kimigayo, kita dipaksa pulak tunduk kepada matahari. Dia panggil rasanya kalau saya tak lupa, dia kata sai kere... tunduk tu. Lepas itu barulah balik. Ha, itu. Dipaksanya gitu. Kalau siapa-siapa didapati yang telah diarah supaya pergi ke tempat itu, terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan, akan diambil tindakan dan akan diseksa. Itu pada masa Jepun.

Sekarang tibalah kepada tokoh kita yang nombor dua. Yang sebelah kanan saya iaitu itulah Che Ku Abdul Rahman. Che Ku Abdul Rahman ni dari Kuala Besut seperti yang saya bacakan tadi, saya sebutkan biodata dia tadi. Che Ku Abdul Rahman bin Che Ku Abdullah dari Kuala Besut. Jadi saya tidak akan majlis ini dengan segala hormat takzimnya mempersilakan beliau berbicara apa-apa saja yang difikirkan sesuai dari segi penulisannya, dari segi pengalamannya, dari segi penglibatannya dalam apa gerakan-gerakan menuntut kemerdekaan dan sebagainya. Ini apa yang Ayah Ku sebut tadi sangat-sangat penting ya. Dia berbicara dan kita mendengar daripada pengalaman yang pertama. Pengalaman orang yang terlibat secara langsung. Jadi tokoh kita yang kedua ini akan bicara. Lebih muda enam belas tahun daripada Ayah Ku  
(tidak kedengaran suara)

Siapa yang lebih apa (ketawa). Tapi masing-masing hebat belaka dalam zaman masing-masing. Jadi dipersilakan.

Che Ku Abdul Rahman bin Che Ku Abdullah (Tokoh 2)

Assalamualaikum w.b.t. (Ayat Al-Quran)

Yang Berbahagia pengurus majlis dan juga sahabat saya dalam masa PELITA dulu yang juga seorang iktivis dalam penulisan, dalam sejarah, dalam hal ehwal sosial masyarakat. Yang Mulia kakanda saya Tuan Syed Abdul Rahman bin Tuan Syed Akil daripada Kemaman. Masa saya duduk Kemaman tahun 85 hingga tahun 2000, saya duduk dekat dengan Gong Pauh. Saya duduk di Banggol Kiri. Selalu orang siap faham. Masa tu saya jadi pengurus PIBG sekolah Chukai dan nanti yang dipertua sekolah menengah Chukai dan saya juga pengurus persatuan penjaja dan peniaga kecil di kawasan Kemaman. Dan saya juga setiausaha persatuan sejarah cawangan Kemaman daripada tahun 90 sampai ke tahun 2000. Sehingga saya balik ke Besut tahun 2003 selepas saya habis kerja di Kemaman. Jadi selalulah surat-surat saya dan orang-orang dia nak jumpa saya dia gi (pergi) jumpa Syed Osman, Syed Abdul Rahman. Sebab orang di Kemaman, orang di kawasan dia panggil Syed, Ayah Ku jugak.  
(tidak kedengaran suara)

Itulah Syed Abdul Rahman dengan Che Ku Abdul Rahman. Sebab ayah saya nama Engku Abdullah nama asalnya. Mak saya Sharifah. Dia keturunan Syed. Saya pun tanya orang tua saya. Saya kata pasal apa nama Che lagi, Ku lagi. Wi (bagi) ke orang lainlah nama Che. Dia kata pasal mu itu yang dinamakan Che ni pasal maknya Syed dan bila Ku ni pasal pok (ayah) dia Ku. Jadi saya dan arwah ayah saya, Ku saya dia lahir di Istana Tengku Long di Besut. Tengku Long, Istana Tengku Long. Istana Tengku Long tu dia bawak mari ke Besut. Lepas tu bonda saya adalah keturunan Syed. Itu yang jadi Che Ku tu. Sebab tulah bila saya gi (pergi) ke Kelantan, orang Kelantan kata Allah. Boleh deme (awak) belaka dua-dua. Ha, dia kata. Che lagi, Ku lagi. Ambil Che sudahlah Che Ku. Kata saya mana ke tahu. Orang tua beri. Jadi maknanya kesimpulannya yang Che Ku ni di Terengganu je ada. Disebelah Kelantan takdok (tidak ada). Takdok (tidak ada) Che Ku. Dia panggil Ku saja. Jadi Engku, Tunku. Habis. Jadi sebab itulah.

Yang kedua saya ucapkan terima kasih kepada persatuan sejarah. Sejarah melayu Terengganu yang telah menjemput saya untuk menjadi ahli panel dalam bicara eksekutif budaya Terengganu pada hari ini. Jadi bila Cikgu Mat gi (pergi) jumpa saya, dia mintak saya beri penerangan. Sebenarnya saya kata saya ni bukanlah tahu semua berhubung dengan sejarah dan jugak dengan budaya. Tetapi saya bukan tidak tahu semua. Jadi saya ada yang saya tahu. Nak-nak kalu (kalau) hok (yang) berlaku di Besut dan jugak hok (yang) berlaku di Kemaman. Hok (yang) masa saya duduk di Kemaman, saya daripada itu umur 12 tahun lagi. Saya dah pakai diari. Jadi saya simpan diari, saya catit semua perkara yang berlaku sehingga ke ayam berkокok pun saya cerita, saya tulis. Berapa kali ayam saya berkокok. Saya masih kecil, kita tak reti (pandai) apa nak buat. Oo... ayam kokok pukul tiga pagi. Pahtu (selepas itu) pukul lima dia kokok pulak. Saya tulis. Lepas tu bila saya besar sikit, bila saya pergi ke pantai itu orang buat masuk ikan tu. Oo... hari ni ikan banyak. Hari ni ikan bilis banyak. Saya tulis itu saja. Kita tidak skop ni kecil. Tapi saya ada. Bila saya tengok dalam buku, saya rasa geli hati sendiri. Tapi itulah. Lepas itu begitulah jugak. Hari ini angin kencang. Hari ini pukul sekian-sekian ombak besar. Saya tulis. Pasal kita duduk dekat dengan pantai. Kita tengok pantai, kita tengok laut. Kita tulis tu aje. Tak reti (pandai) hal pendekar, hal ini tak reti (pandai). Jadi akhirnya boleh jadi benda tu. Saya nak tengok diari saya dulu. Betul. Kalu (kalau) bulan Rejab sekian, sekian. Bila saya tengok, kalu (kalau) pada tahun lepas, kalu (kalau) bulan Rejab, sekian-sekian hari ni, hari ni hujan kata. Hujan sungguh. (ketawa). Ni pengalaman daripada diari yang kita tulis. Jadi saya tanya orang-orang yang tu, dia hal sejarah dia kaji. Diari dia buat. Sebab itulah diari kita tu penting. Diari kita penting, dalam segala perkara, kita tulislah apa benda pun. Sebab tulah bila saya pergi ke mana-mana pun saya tulis diari. Saya nak naik bas saya tulis diari. Saya nak naik bas pergi sini. Dulu saya tidak pernah kenal di Kuala Terengganu. Masa saya mengaji di Pulau Pinang. Saya tak pernah mari walaupun keluarga saya ramai di Kuala Terengganu ni. Di Batu Burok nung (sana). Puak-puak raja nung (sana) puak-puak keluarga sayalah. Jadi maknanya, tapi saya pergi Pulau Pinang, orang Pulau Pinang tanya Kuala Terengganu. Saya pakat bedal (hentam) je. Saya kata kita bayang dekat ni. Saya tak pernah gambar pun. Jadi tak payahlah kita orang Terengganu, bila kita gi (pergi) ke Pulau Pinang, kita tidak nak cerita. Habis.

Jadi saudara-saudara sekalian bicara eksekutif budaya Terengganu. Budaya erti apa? Budaya ertinya daripada budi dan daya. Terbitan budaya ataupun kebudayaan. Kebudayaan ertinya tamadun. Kebudayaan ertinya peradaban. Kebudayaan ertinya kemajuan. Kebudayaan ertinya nama ni itulah keluhuran budi pekerti. Budaya dalam segi pendidikan, budaya dalam segi kesenian, budaya dalam segi perniagaan, budaya dalam segi warisan dan berbagai-bagi lagi. Jadi syukur alhamdulillah pada pagi ini anak-anak sekalian, anak-anak datang duduk mengetahui sedikit sebanyak berhubung dengan budaya Terengganu, berhubung dengan adat resam orang Terengganu, berhubung dengan sejarah Terengganu. (Ayat Al-Quran). Allah Taala berfirman sebutlah kamu, zikirlah kamu, berilah penerangan oleh kamu. Semoga dengan memberi penerangan itu akan menjadi faedah kepada orang mukmin. Jadi sedikit sebanyak akan saya lontarkan pengalaman saya, pendapat saya dan pengetahuan saya berhubung dengan kebudayaan. Jadi anak-anak sekalian, anak-anak patut rasa megah. Anak-anak jadi warga, jadi anak watan Terengganu Darul Iman. Sebab Terengganu negeri si jantung pisang ini yang

luasnya lebih kurang 12595 kilometer daripada kampung di Besut menganjur sampai ke Kampung Geliga, Kemaman. Yang mempunyai 212 panjang pantainya pesisir yang putih melepak. Tidak ada di dalam Malaysia ini di semenanjung pantai yang paling panjang kecuali negeri Terengganu Darul Iman. Negeri Terengganu Darul Iman ini anak-anak sekalian, adalah negeri yang sangat berkat. Sangat berkat. Berkat yang saya katakan yang pertama sekali, Sultan Zainal Abidin telah menamakan Terengganu ini sebagai Terengganu Darul Iman. Negeri tempat bersemayam, tempat tinggal orang-orang yang beriman, orang-orang yang kuat iman. Sebab itulah orang tua-tua dulu kata kalu (kalau) mu nak gi (pergi) makan, gi (pergi) ke Kelantan. Kalu (kalau) mu nak tidur, mu gi (pergi) ke Pahang. Tapi kalu (kalau) mu nak rasa nyaman, aman mu gi (pergi) Terengganu. Sebab itulah Terengganu merupakan negeri yang paling aman.

Sebab itulah anak-anak sekalian, anak-anak perasan ke tak pada tahun 90 an kerajaan Terengganu masa itu dipimpin oleh Tan Sri Wan Mokhtar telah membuat dua buah pintu gerbang yang besar. Yang pertama pintu gerbang yang menjadi sempadan di antara negeri Kelantan dengan negeri Terengganu di Kampung Bukit Yong. Itu di Besut. Tersergam.~~15~~ juta kalu (kalau) tak silap saya. Lepas tu satu lagi ialah yang di sempadan di antara Terengganu dengan Pahang, di Kampung Geliga. Kampung datuk ~~saya~~. Pintu gerbang yang sangat cantik. Jadi mercu tanda kepada negeri Terengganu. Di negeri Selangor Darul Ehsan ada jugak. Tapi tak boleh lawan pintu gerbang Terengganu dua tu. Kenapa? Pasal di atas puncak pintu gerbang itu ada ayat-ayat Al-Quran. Baru perasan ke dok (tak)? Ayat Quran yang sangat tinggi nilainya. (ayat A-Quran). Maknanya hanya dengan mengingati Allah saja akan tenang dan damailah segala hati. Sebab tulah bila orang masuk Terengganu, orang akan khusyuk. Saya tahun 80. Ini cerita ~~bukan~~ metos, bukan cerita dongeng. Ada dua orang buta daripada Kota Bharu. Dia naik bas. Dia naik bas daripada Kota Bharu nak gi (pergi) Kuala Lumpur. Naik bas ekspres. Bila saja masuk sempadan Bukit Yong di antara Kelantan dengan Terengganu  
(tidak kedengaran suara)

Pasal apa? Pahtu (selepas itu) bila sampai lepas daripada Terengganu sampai ke Kemaman, sampai ke Geliga nak masuk Pahang, dia kata lepas dah Terengganu dok (tak)? Masuk Pahang. Orang buta dia tahu. Pasal apa? Pasal jalannya

(tidak kedengaran suara)

Bila masuk di Pahang, gang-gang. Begitu jugak bila dia daripada Kuala Lumpur dia nak balik ke Kota Bharu bila sampai Besut. Masuk Terengganu dah? Terengganu. Sama-sama buta (ketawa). Begitulah. Pasal apa? Pasal masa tu kerajaan kita mengutamakan kesejahteraan. Jadi bila saya sebut begitu (ayat Al-Quran). Hanya senya dengan mengingati Allah akan tenanglah segala. Jadi sebab itulah orang Terengganu daripada dulu sampai ke hari ini dan saya rasa sampai ke hari kiamat orang Terengganu akan dia mempunyai watak, punyai budi pekerti. Pasal apa ini berlaku? Ini bukan dibuat-buat, bukan disengaja, tidak. Ini memang sudah jadi lumrah orang Terengganu. Sebab orang Terengganu adalah orang-orang yang begitu.

Masa Murshid Abdullah datang, dia nak pergi ke Kelantan. Pelayaran Murshid Abdullah patut anak-anak baca bukunya. Selain daripada saya nak suruh anda baca, patutnya anda kena miliki sejarah Darul Iman edisi baru yang dikarang

oleh arwah Dato' Haji Mohd Salleh bin Awang-MISBAHA. Saya banyak baca buku. Sebelum pada buku ni pun saya dah baca. Sayang sungguh. Dia seorang ulama, seorang sejarawan, seorang tokoh yang tidak ada tolak bandingnya saya rasa. Jadi pasal apa yang Terengganu ni jadi berkat sikit. Oo... yang pertama sekali selain daripada hok (yang) saya tunjuk mercu tanda tadi ialah sebab di bumi Terengganu ini daripada Besut sampai ke Kemaman dia di dalam buminya banyak para-para wali, auliat-auliat yang ada di dalamnya. Sebab itulah bumi Terengganu ni jadi bumi berkat, bumi yang sejuk. Di Besut ada empat, lima orang yang saya tahu jugak. Dato' Syed Tuan Noh, Haji Mohd bin Haji Umar, pahtu (selepas itu) di Setiu

(tidak kedengaran suara)

Lepas tu di Kuala Terengganu cukup banyak. Termasuklah keturunan Dato' Syed, Tuan Syed tadi. Tokku Paloh, Tok Pulau Manis, Tok Syeikh nung (sana) Pulau Duyung. Oo... banyak sekali ulama-ulama dan sultan kita sendiri pun Sultan Zainal Abidin seorang ulama. Pergi mengaji. Dia mengaji di Bukit Bayas dengan ulama ulung. Jadi saya mintak supaya ahli-ahli persatuan sejarah kita cungkil balik. Kalau boleh kitab-kitab lama tu boleh kita buat

(tidak kedengaran suara)

Kesultanan sultan-sultan kita. Sebab tu bila kita nak kaji berhubung dengan kebudayaan, berhubung dengan sejarah kita mesti yang pertama sekali kita tengok dulu sejarah kesultanan kita. Kesultanan Terengganu daripada tahun 1315 dan memanglah kesultanan Terengganu boleh dikatakan orang-orang yang bijak, orang-orang yang handal, orang-orang yang warak, orang-orang yang beriman. Kecuali sorang. Hok (yang) sultan yang playboy sekali. Memanglah dia gitu dan dia pun baru saja mati. Dia telah melarikan diri di daerah Kemaman yang dinama arwah Sultan Ali, Tengku Ali. Dia cukup. Tubuhnya, comelnya macam Tuan Syed kitalah. Hebat. Pakaiannya apa. Saya

(tidak kedengaran suara)

Tapi orang panggil getaran dia. Dia nama glamournya tengku cantik. Sebab dia mata cantik. Orang puar banyak gila ke dia. Tapi macam sultan-sultan lain tu memang ada. Tapi sultan yang warak, sultan yang hebat. Jadi sultan-sultan.

Jadi lepas tu pulak Menteri Besar. Bila kita nak kaji, kita kena kaji pahlawan. Kita kena kenal pahlawan. Pahlawan kita ni bukan saja yang menjadi hulubalang. Pahlawan kita ni ialah daripada pemerintah yang tertinggi sekali. Itulah raja-raja kita, sultan-sultan kita. Lepas tu yang dibawah yang mentadbirkan negeri kita yang itulah yang disebut Menteri Besar. Menteri Besar Terengganu adalah hebat-hebat belaka. Tapi yang dipilih oleh rakyat ialah daripada tahun 59 sampai ke hari ini. Kecuali daerah Dungun saja yang tidak dilantik lagi Menteri Besar. Daerah-daerah lain boleh katakan semuanya sudah jadi Menteri Besar. Yang pertama sekali Menteri Besar yang dilantik, yang dipilih oleh rakyat ialah Mohd Daud bin Abdul Samad tahun 59 iaitu daripada Parti PAS. Dia ni kerana comel. Tapi pasal dia aktif dalam politik walaupun pada masa tu ada pesuruhjaya PAS nama Ustaz Ahmad Azam, tapi dia tak boleh jadi Menteri Besar walaupun dia ketua parti. Pasal dia bukan rakyat Terengganu. Dia rakyat negeri Perak. Maka dia tak boleh. Maka Daud Samad dia pandai orang putih sikit, maka orang sebut dia, angkat dia. Tapi dia tidak diberi kerjasama oleh pihak pegawai-pegawai kerajaan. Maka tidak lama dalam dua tahun lebih, dua tahun setengah dia dijatuhkan. Diundi tidak percaya. Maka naiklah Tan Sri Ibrahim Fikri. Ibrahim Fikri jadi Menteri Besar yang kedua yang dipilih oleh rakyat. Lepas itu ada berlaku

sedikit apa begitu, begini maka dilantik Ustaz Mahmud bin Sulaiman. Lepas itu tak dan lama, maka dilantik Dato' Nik Hassan. Masa tu dia jadi setiausaha sulit Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri. Dia mintak daripada Kuala Lumpur mintak balik ke Terengganu jadi Menteri Besar. Lepas Dato' Nik Hassan, maka mari pilihanraya tahun 74. Maka Dato' Wan Mokhtar jadi Menteri Besar. Dato' daripada Kemaman. Begitulah.

Daripada Menteri Besar, Dato' Wan Mokhtar yang paling lama sekali. Daripada 1974 jadi Menteri Besar sehingga 1999. Dua puluh lima tahun rekod. Rekod yang paling lama tu di semenanjung Malaysia ni. Tapi kalau (kalau) dengan Taib Mahmud, lebih Taib Mahmud lagilah. Dia yang paling lama jadi Menteri Besar Terengganu. Dua puluh lima tahun. Lepas itu tahun 99 bertukar. Naik Ustaz Haji Hadi daripada Marang jadi Menteri Besar. Tahun 1999 sehingga 2004. Pahtu (selepas itu) naik Dato' Idris bin Jusoh daripada Besut jugak. Daripada Jertih. Tahun 2004 hingga 2008. Pada tahun 2008 naik Dato' Ahmad bin Said daripada Kijal, Kemaman jadi Menteri Besar sehingga sekarang ni. Jadi orang yang jadi Menteri Besar kita ini adalah ketua kita. Dia merupakan pejuang. Merupakan roisul muzakarah. Ketua Menteri atau Menteri Besar. Kita kena kenal itu, kita kena tahu siapa dia dan memanglah setiap orang ni ada pembawaan masing-masing, ada caranya masing-masing, ada stylenya masing-masing. orang ni styl lagu ni, orang ni. Jadi itu kita kena tahu. Anak-anak sebagai pelajar kena tahu ini. Lepas tu pulak kita jangan singkir pejuang bahasa. Pejuang bahasa, pejuang sastera kita Terengganu ni tidak kurang hebatnya. Tapi saya tidak ingat semua sekali.

Tapi saya ingat dalam dua, tiga orang lagi yang saya tahu ialah Harun bin Hassan. Dia ni pengarang lama. Belia Malaya dulu. Pada dia banyaklah nama-nama samarannya. Lepas tu daripada Zainal Abidin cukup hebat, cukup ramai yang jadi penulis. Lepas tu Usman Abadi walaupun dia daripada Pahang, tapi dia pergi sini pun Usman Abadi. Termasuklah Dato' Alias Ali. Tahun 59 tu dia menulis. Termasuklah Ahmad apa hok (yang) wakil rakyat kita tu. Mat Rashid Nor. Sekarang yang ada lagi ialah Sari Putra. Semuanya orang-orang yang berjuang dalam segi sastera, dari segi bahasa. Jadi kita kena tahu itu dan kita kena tahu lebih banyak lagi. Kita kena selongkarkan. Lepas tu jugak dalam bahagian seni kraf. Terengganu ini dianggap sebagai negeri yang sangat ramai tokoh-tokoh seni. Seni kraf tangan. Macam di Besut cukup ramai. Saya boleh bilang dua, tiga orang. Di antaranya ialah Wan Su bin Osman. Dia umur 90 tahun, 92 tahun, 94 tahun gitulah. Dia masih hebat lagi. Dia buat ukiran dia masa di Masjid Negara, Istana di Kuala Lumpur, Istana Sultan Brunei, Dewan Bahasa dan banyak lagilah. Lepas itu anak dia nama Wan Mustafa Su, pahtu (selepas itu) Encik Ahmad, pahtu (selepas itu) ada di Kemaman. Asal daripada Besut jugak, nama Encik Ibrahim. Dia duk di Kampung Libur. Tapi dia mati lama dah. Masa saya gi (pergi) tu dia mati dah. Lepas tu di Kuala Terengganu ni pun ramai jugak pengukir-pengukir yang terkenal dan satu lagi anak-anak, tukang-tukang kapal, tukang-tukang bot besar. Bukan daripada Kelantan, bukan daripada Pahang tapi daripada Terengganu jugak. Sebab tulah bot-bot besar ini tempatnya ialah di negeri Terengganu. Sehinggakan bot-bot yang berenjin pun sekarang ni pun orang terpaksa kena beli. Dan orang yang duduk di Endau Johor, yang di Mersing semuanya berasal, yang buat bot di sana pernah saya beritahu pada satu masa dulu dia berasal daripada Kuala Terengganu. Daripada Chendering, daripada Losong, daripada Seberang Takir.

Jadi ertinya pembuat-pembuat bot, kapal yang sebesar-besarnya, sekecil-kecilnya adalah orang Terengganu dan orang Terengganu merupakan ahli pelayaran yang sangat hebat. Zaman beratus-ratus tahun dulu. Sebab orang Terengganu pernah belayar pergi sampai ke Kemboja, sampai ke Tetaun di Afrika Selatan. Saya dapat tahu ada seorang orang tabligh itu dia kata dia pergi ke Afrika Selatan. Dia jumpa dengan satu nama kampung Terengganu. Orang Terengganu asal, dia kapal layar. Dan tuan-tuan tahu ke dok (tak) Pak Awang yang dalam novel tu bukan orang Melaka tapi orang Terengganu. Asal katanya orang daripada Losong. Sebab itulah dalam, di Terengganu selain daripada tanaman sebagai lada hitam, sebagai getah ialah tanaman pisang. Pisang kelat siang ataupun pisang kelat lebah atau ada satu lagi jenis pisang, pisang emas. Cukup hebat. Murshid Abdullah kata dia selalu beli pisang di Kedai Payang tu. Dia nak wak bekal. Jadi rupanya pisang ini merupakan makanan untuk ahli-ahli pelayaran. Sebab itulah di dalam pantun, di dalam pantun melayu yang sangat terkenal dia sebut guane (macam mana)? Pisang emas bekal belayar. Masak sebiji diatas peti. Hutang emas boleh ku bayar. Hutang budi ku bawa mati. Sebab apa? Pisang emas ni dia tahan lama. Walaupun dia dah hitam tapi isi dalamnya putih dan dia boleh makan untuk gantikan makanan-makanan. Dan satu lagi pisang ialah pisang kelat siang yang dibuat ripi. Saya ingat masa saya kecil-kecil dulu saya mari ke Kedai Payang ni saya selalu beli pisang. Dia panggil pisang ripi. Pisang hok (yang) dia salai. Sedap sungguh.

KTC

PPPK